

**BAB 6 : PENGUKUHAN NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA  
(STRUKTUR)**

6. Ratu Elizabeth II telah memperkenalkan Akta Malaysia yang diluluskan oleh Parlimen Britain sebelum perjanjian Malaysia telah ditandatangani di London pada 09 Julai 1963.

a. Apakah maksud akta Malaysia?

.....  
.....  
.....

[ 2 markah ]

b. Akta Malaysia telah memperuntukkan beberapa perkara yang kemudiannya diterima dan dimasukkan ke dalam perlembagaan Malaysia.

Nyatakan intipati perjanjian Malaysia.

.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

c. Tarikh 16 September telah diisytiharkan sebagai Hari Malaysia.

Bagaimanakah anda mengukuhkan penghayatan terhadap semangat penubuhan Malaysia?

.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

**BAB 6 : PENGUKUHAN NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA  
(ESEI PENDEK)**

6. Sumber 1 berkaitan dengan Pengisytiharan Malaysia

**Perisytiharan Penubuhan Malaysia**

Pada hari ini dalam tahun 1963 seiring dengan dentuman 101 das tembakan meriam dan teriakan “*MERDEKA*”, Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman telah mengisytiharkan kelahiran sebuah negara baru kepada seluruh dunia. Negara itu ialah Malaysia. Stadium Merdeka yang dibanjiri 30,000 rakyat Malaysia telah bergema kembali dengan laungan semangat rakyat seperti 6 tahun yang lalu dalam tahun 1957 ketika Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya. Upacara membaca Deklarasi Penubuhan Malaysia itu telah dilakukan di hadapan DYMM Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong, Raja-raja Melayu, Gabenor-gabenor Pulau Pinang, Melaka, Singapura, Sarawak dan Sabah. Turut serta dalam upacara itu ialah tiga orang pemimpin dari tiga buah negara yang baharu dalam Persekutuan Malaysia iaitu Lee Kuan Yew, Donald Stephens dan Stephen Kalong Ningkan.

*Sumber : Hari ini dalam sejarah, jilid III, Percetakan Negara, Kuala Lumpur 1983*

Sumber 1

- ( a ) Berdasarkan sumber 1, apakah yang dimaksudkan dengan Hari Malaysia?

[ 4 markah ]

- ( b ) Terangkan langkah-langkah ke arah pembentukan Malaysia sehingga berjaya ditubuhkan pada tahun 1963.

[ 8 markah ]

- ( c ) Pembentukan Malaysia dapat memberi manfaat kepada kemajuan hari ini.

Beri penjelasan anda.

[8 markah]

**PERATURAN PEMARKAHAN**  
**BAB 6 : Pengukuhan Negara dan Bangsa Malaysia**  
**(Struktur)**

6(a)	F1 F2 F3	<p><b>Apakah maksud akta Malaysia?</b></p> <p>Akta memperuntukkan penggabungan negeri-negeri iaitu Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak yang dinamai Malaysia</p> <p style="text-align: right;">(Mana-mana 2 x 1m)</p>	<p>1 1 1</p> <p>[ 2 m ]</p>
6(b)	F1 F2 F3 F4 F5 F6 F7 F8	<p><b>Nyatakan intipati perjanjian Malaysia.</b></p> <p>Semua urusan hal ehwal luar adalah menjadi tanggungjawab Agama Islam merupakan agama persekutuan Sarawak dan Sabah bebas mengamalkan agama lain Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan Sarawak, Sabah masih boleh menggunakan bahasa rasmi bahasa Inggeris sehingga 10 tahun selepas Hari Malaysia Sabah dan Sarawak diberi kuasa mengawal hal ehwal imegresen Sarawak memperoleh 24 kerusi/Sabah 16 kerusi/Singapura 15 kerusi bagi perwakilan parlimen Rakyat Sarawak dan Sabah mendapat taraf yang sama dengan orang Melayu di Persekutuan tanah Melayu</p> <p style="text-align: right;">(Mana-mana 4 x 1m)</p>	<p>1 1 1 1 1 1 1 1</p> <p>[ 4 m ]</p>
6c	F1 F2 F3 F4 F5 F6 F7	<p><b>Bagaimanakah anda mengukuhkan penghayatan terhadap semangat penubuhan Malaysia?</b></p> <p>Mengamalkan sikap bekerjasama antara kaum Mengutamakan perundingan sebagai pendekatan masyarakat berbilang kaum Musyawarah sebagai pendekatan mengatasi kemelut politik negara dan bangsa Mengamalkan sikap tolak ansur politik Menyatupadukan kaum Mengekalkan semangat setiakwan Mengekalkan semangat jati diri Mana-mana munasabah</p> <p style="text-align: right;">(Mana-mana 4 x 1m)</p>	<p>1 1 1 1 1 1 1</p> <p>[ 4 m ]</p>

### Bahagian esei

<b>6(a)</b>		<b>Apakah yang dimaksudkan dengan Hari Malaysia?</b>	
	F1	Hari perisytiharan pembentukan Malaysia pada 16 September 1963	1
	F2	Malaysia dibentuk hasil gabungan Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura	1
	F3	Penetapan tarikh dibuat berdasarkan keputusan Setiausaha Agung PBB	1
	F4	Tarikh ini dipersetujui oleh kerajaan British, Singapura, Sarawak dan Sabah	1
	F5	Sabah, Sarawak dan Singapura bebas dari jajahan British	1
		(Mana-mana 4 x 1m)	[ 4 m ]
<b>2(b)</b>		<b>Terangkan langkah-langkah ke arah pembentukan Malaysia sehingga berjaya ditubuhkan pada tahun 1963</b>	
	F1	<b><u>Lawatan Tun Abdul Rahman ke Sarawak dan Sabah (Jun 1961)</u></b>	1
	H1a	Untuk menerangkan konsep, tujuan, dan matlamat penubuhan.	1
	H1b	Rundingan antara pegawai Persekutuan Tanah Melayu dengan pegawai British dari Sarawak, Sabah, dan Singapura.	1
	F2	<b><u>Penubuhan Jawatan kuasa Perunding Perpaduan Kaum (JPPK) (Julai 1961).</u></b>	1
	H2a	Berperanan untuk menerangkan kepada orang ramai tentang gagasan Malaysia.	1
	H2b	Mengumpulkan pandangan penduduk .	1
	F3	<b><u>Suruhanjaya Cobbold (1962)</u></b>	1
	H3a	Bertujuan untuk meninjau pendapat rakyat Sarawak dan Sabah tentang gagasan Malaysia	1
	H3b	Membuat penilaian dan mengemukakan cadangan kepada British	1
	H3c	Laporan Suruhanjaya Cobbold ialah satu per tiga menyokong gagasan Malaysia tanpa syarat/ satu per tiga menyokong dengan syarat iaitu kepentingan mereka dilindungi / satu per tiga menginginkan kemerdekaan sebelum menyertai Malaysia	1

F4	<b><u>Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK) (Ogos 1962)</u></b>	1
H4a	Bagi mewajarkan kemasukan Sarawak dan Sabah ke dalam gagasan Malaysia	1
H4b	Membincangkan hak dan kepentingan penduduk rakyat Sarawak dan Sabah dalam perlembagaan Malaysia	1
F5	<b><u>Penubuhan Suruhanjaya PBB</u></b>	1
H5a	Bagi meninjau sekali lagi pendapat rakyat Sarawak dan Sabah atas permintaan Indonesia dan Filipina	1
H5b	Mendapati majoriti rakyat Sarawak dan Sabah bersetuju menyertai Malaysia	1
	(Mana-mana 8 x 1m)	[ 8 m ]
	Peringatan	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Jawapan bukan borong</b></li> <li>• Pelajar perlu <b>menulis semua langkah</b> beserta <b>huraian</b></li> <li>• Jika pelajar menulis langkah <b>(a hingga e)</b> tanpa huraian hanya dapat 5 markah sahaja</li> </ul>	

<b>3 (c)</b>		<p><b>Pembentukan Malaysia dapat memberi manfaat kepada kemajuan hari ini. Beri penjelasan anda.</b></p> <p><b>Aras 1</b> Jawapan mudah / pengetahuan / pemahaman yang terhad Menyatakan cadangan dengan hujah yang mudah.</p> <p><b>Aras 2</b> Jawapan agak mendalam / pengetahuan / pemahaman yang jelas dan membuat inferens Menjelaskan pendapat dengan hujah dan contoh yang jelas</p> <p><b>Aras 3</b> Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh yang sesuai Membuat inferens Jawapan sangat mendalam Komunikasi / pengolahan menarik</p> <p><b>Aras 4</b> Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan sangat mendalam / terperinci Komunikasi / pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan</p>	
--------------	--	---	--